



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH URUS SETIA PENGAMBILAN DI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

#### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38(a)**


**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam sahaja.**

**ARKITEK KERJA (B.3)  
JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

#### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (E) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (F) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**ARKITEK KERJA**

**JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**B.3 (\$3,880 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Arkitek atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Kemajuan Perumahan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat di dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.


**ATAU**

2. a) **Bagi yang tidak mempunyai Ijazah**, hendaklah telah berkhidmat di Jabatan Kemajuan Perumahan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun.

**ATAU**

3. b) **Bagi yang tidak mempunyai Ijazah**, hendaklah telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun.

4. Mempunyai kelulusan professional sebagai Ahli Badan Ikhtisas dalam bidang Arkitek seperti *The Royal Institute of British Architects, United Kingdom (RIBA)* atau mana-mana institusi professional yang sebanding serta diiktiraf.



5. Berdaftar sebagai Arkitek di Lembaga Arkitek, Jurutera Profesional atau Juruukur Bahan Brunei Darussalam (**BAPEQS**) dan tidak mansuh.
6. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

#### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Membantu Jurutera Kerja Kanan / Ketua Juruukur Bahan / Arkitek Kanan;
2. Mengendalikan hal ehwal teknikal yang berhubung kait dengan pelaksanaan dan pengurusan kontrak dan projek-projek yang dilaksanakan oleh Jabatan Kemajuan Perumahan;
3. Mengendalikan hal ehwal yang berhubung kait dengan pengurusan dan pentadbiran serta pembahagian kerja pegawai dan kakitangan yang dipertanggungjawabkan (termasuk perancangan pelaksanaan dan pemantauan, serta kerja-kerja pelaksanaan projek dan pemeliharaan estet);
4. Merancang dan menyediakan anggaran peruntukan dan maklumat-maklumat perbelanjaan bagi projek-projek di bawah peruntukan berulang-ulang dan Rancangan Kemajuan Negara (RKN);
5. Menyediakan perancangan, reka bentuk dan melaksanakan pengawal seliaan serta pemantauan bagi pelaksanaan projek Jabatan Kemajuan Perumahan termasuk menguruskan penggunaan tanah dan pembinaan projek, serta hal ehwal pembayaran projek, pesanan perubahan, tambahan masa dan sebagainya;
6. Meneliti dan memantau penyediaan reka bentuk arkitek seperti *conceptual and detailed architectural design*;
7. Meneliti dan memantau penyediaan dokumen tawaran, penilian dan sokongan tawaran;
8. Mengemaskini dan menyediakan laporan status dan perkembangan fizikal dan kewangan bagi projek-projek yang dilaksanakan oleh Jabatan Kemajuan Perumahan;



9. Memastikan projek yang dilaksanakan mengikut peraturan yang terkandung di dalam Piawaian Brunei Darussalam (PBD) 12, Garis panduan dan Piawaian Perancangan bagi Kemajuan Perumahan, *Green Building Initiative (GBI)*, *Building Control Order (BCO)*, Peraturan-Peraturan Kewangan dan Akta-Akta dan Peraturan-Peraturan berkenaan yang berkuatkuasa;
10. Mengawal dan memantau pemeliharaan aset-aset dan estet-estet perumahan di bawah Skim Perumahan Negara; dan
11. Menjalankan tugas-tugas lain sepertimana yang diarahkan oleh pihak atasan.